

RIVER OF LIFE

River of Life (RoL) atau Sungai Nadi Kehidupan, adalah antara Projek Permulaan (EPP- *entry point project*) yang telah dikenalpasti oleh kerajaan di bawah *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley (KL/KV)*, seperti yang terkandung di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Program Transformasi Ekonomi (ETP). Projek ini bertujuan untuk mentransformasikan Sg. Klang menjadi sebuah sungai ikon bagi bandaraya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan membangun pesat, di samping kawasan tepian sungainya memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada Negara. Dalam mencapai hasrat ini, tiga komponen program transformasi telah dirangka terhadap Sg. Klang dan anak-anak sungai utama dalam kawasan RoL iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai, dan pembangunan hartanah.

Komponen Pembersihan Sungai diterajui oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Objektifnya adalah untuk meningkatkan kualiti air sungai sepanjang 110 km di Sungai Klang, dan anak-anak sungai utama dalam kawasan RoL daripada Kelas III hingga V kepada Kelas IIB (sesuai untuk kegunaan rekreasi melibatkan sentuhan badan) menjelang tahun 2020.

Sebanyak 12 Inisiatif Utama telah diwujudkan dan Jabatan Alam Sekitar adalah agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Inisiatif Utama ke11 iaitu mempromosi, memantau dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ke atas industri dan premis yang menghasilkan dan melepaskan efluen/ kumbahan/ air larut resap. Di samping itu, JAS juga bertanggungjawab melaporkan status kualiti air sungai di 35 stesen pengawasan di kawasan RoL. Bahagian Air dan Marin adalah penyelaras RoL JAS.

12 Inisiatif Utama di bawah komponen Pembersihan Sungai adalah seperti berikut:

Inisiatif Utama	Agensi Peneraju	Keterangan
1	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan	Menaiktaraf kemudahan kumbahan sediada yang merupakan inisiatif berimpak tinggi dan sangat penting bagi mengurangkan pencemaran Sg. Klang.
2	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan	Pertingkatkan keupayaan loji rawatan kumbahan sediada bagi menampung pertambahan pada masa hadapan

3	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Pemasangan loji rawatan air buangan di 5 buah pasar basah
4	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor & Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Pemasangan perangkap sampah untuk meningkatkan keindahan dan kualiti air sungai.
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Penggunaan kolam takungan bagi menyahkan bahan pencemar dari kumbahan dan "sullage"
6.	Pej MB Selangor /Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Pemindahan setinggalan bagi mengurangkan kemasukan kumbahan, sullage dan sampah ke dalam sungai.
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	Mengaplikasi Pelan Induk Pengurusan Air Larian Dan Peparitan bagi meningkatkan sistem peparitan.
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	Menjalankan kajian hidrologi dan pemulihan sungai bagi mengawal aliran sungai.
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	Menggalakan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan dan kesihatan sungai – hakisan pembangunan bandar

10.	Jabatan Kerajaan Tempatan	Menggalakan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan dan kesihatan sungai- restoran, bengkel kenderaan dan lain-lain premis komersial.
11.	Jabatan Alam Sekitar	Menggalakan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan dan kesihatan sungai –industri yang melepaskan efluen/ air buangan
12.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	Menggalakan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan dan kesihatan sungai – pembuangan sampah